

TINJAUAN AWAL PRA PILIHAN RAYA UMUM (PRU) KE-15 PENGUNDI DI KAWASAN PARLIMEN TAMPIN.

Abd Aziz A'zmi, Siti Haziqah Shaban, Farrah Wahida Mustafar & Norizan Mohd Noh

Fakulti Sains Sosial
Universiti Islam Melaka

Article History:

Received: 18 November 2024

Accepted: 14 November 2024

Published: 31 December 2024

ABSTRAK

Tinjauan ini dijalankan bertujuan meninjau persepsi awal pra pilihan raya umum ke-15 masyarakat di kawasan P.133 Parlimen Tampin. Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan dan melibatkan seramai 500 orang responden dari setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang berada dalam kawasan Parlimen Tampin. Kajian kuantitatif berbentuk deskriptif ini menggunakan satu set borang soal selidik yang mempunyai sepuluh item bagi mendapatkan data yang jitu dan tepat. Hasil tinjauan menunjukkan, pandangan responden terhadap personaliti dan prestasi ahli parlimen Tampin adalah berada pada tahap sederhana iaitu masing-masing 46.4% dan 44.6%. Seterusnya, Barisan Nasional (BN) adalah merupakan parti pilihan kebanyakan responden dalam PRU-15 iaitu 52.0%. Kebanyakan pengundi mengambil berat soal latar belakang pendidikan calon di kawasan mereka iaitu 65.4%. Seterusnya, keputusan juga mendapati pandangan responden terhadap prestasi Pakatan Harapan (PH) yang menduduki kerusi Parlimen Tampin adalah berada pada tahap sederhana iaitu 44.2%. Dapatan kajian ini dijangka boleh menjadi ramalan awal keputusan PRU ke-15 bagi Parlimen Tampin memandangkan tinjauan dijalankan dalam suasana khabar angin Parlimen hampir dibubarkan. Perbandingan antara dapatan tinjauan awal ini dengan keputusan sebenar PRU-15 kawasan Tampin boleh dilakukan setelah selesai PRU-15.

Kata kunci: Parlimen Tampin, pra pilihan raya, Pakatan Harapan, Barisan Nasional.

ABSTRACT

This survey was conducted to assess the initial perceptions of the people in the P.133 area of the Tampin Parliament before the 15th general election. The study employed purposive sampling and involved a total of 500 respondents from each constituency of the State Assembly (DUN) within the Tampin Parliamentary constituency. This descriptive quantitative study utilized a questionnaire consisting of ten items to obtain precise and accurate data. The results of the survey indicate that respondents' views on the personality and performance of the Tampin MP were at moderate levels, recorded at 46.4% and 44.6%, respectively. Additionally, Barisan Nasional (BN) emerged as the party of choice for the majority of respondents in GE-15, garnering 52.0% support. A significant concern among voters was noted regarding the educational background of candidates in their area, with 65.4% highlighting this factor. Furthermore, the survey found that respondents' views on the performance of Pakatan Harapan (PH), which held the Tampin parliamentary seat, also rated at a moderate level of 44.2%. The findings of this study are expected to serve as an early indication of potential outcomes for the 15th general election in the Tampin Parliament, particularly given the prevailing rumors of parliamentary dissolution. A comparison between the preliminary survey findings and the actual results of GE-15 in the Tampin area will be possible after the election concludes.

Keywords: Tampin Parliamentary, pre-general election, Pakatan Harapan, Barisan Nasional.

1.0 PENGENALAN

Pelbagai badan pemikir dan institut kajian lazimnya menjalankan tinjauan awal sama ada secara umum atau secara spesifik di kawasan tertentu bagi mendapatkan gambaran awal atau bayangan keputusan pilihan raya umum (PRU) yang bakal berlangsung. PRU di Malaysia pada dasarnya bertujuan memilih perwakilan yang baharu selepas empat hingga lima tahun dari PRU terdahulu. Walau bagaimanapun, pilihan raya kecil (PRK) boleh diadakan akibat situasi luar jangka seperti kematian wakil rakyat, peletakan jawatan wakil rakyat atau wakil rakyat disahkan hilang kelayakan oleh mahkamah. Bahkan pilihan raya negeri (PRN) juga pernah berlaku akibat pergolakan dan konflik politik sehingga memaksa Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan bagi memilih perwakilan untuk membentuk kerajaan baharu. Situasi darurat pernah berlaku di Kelantan pada 1977 dan kemudiannya PRN diadakan pada tahun 1978 (Rozimi Nasir, 2016). Pasca PRU-14, adegan lompat-melompat parti dan peralihan sokongan kepada pemimpin tertentu di Sabah menyebabkan DUN dibubarkan pada 2020 (Asrin Utong, 2020). PRN mengejut juga berlaku di Melaka pada 2021 apabila beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) menarik sokongan daripada Ketua Menterinya (Mohd Izani, 2021).

PRU-15 berlangsung pada tahun 2022 apabila kerajaan pimpinan Perdana Menteri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan pembubaran Parlimen pada 10 Oktober 2022. Ura-ura pembubaran Parlimen telah lebih awal dihidu pelbagai pihak berikutan kekalutan politik yang berlaku dalam kerajaan di tengah-tengah kerisauan rakyat bencana banjir yang dijangka berlaku pada hujung tahun.

Suhu politik yang semakin meningkat dan cakap-cakap politik yang tidak berkesudahan menjadi petunjuk PRU sudah semakin hampir. Satu peristiwa penting yang menentukan kerajaan yang bakal meneruskan pemerintahan negara. Situasi ini turut menjadi perhatian kepada pelbagai pihak yang membuat pemerhatian, analisis dan ramalan berkaitan keputusan PRU. Bagi para penyelidik, badan pemikir, badan bukan kerajaan mahupun kumpulan-kumpulan media, masing-masing menjalankan tinjauan awal dan kajian pra PRU sebagai usaha mengumpul dapatan awal kecenderungan para pengundi.

Kajian dan tinjauan awal juga adalah salah satu perang psikologi atau perang saraf sesama parti politik kerana terdapat badan atau institusi kajian yang mempunyai kecenderungan terhadap parti tertentu. Maka dapatan kajian boleh dikatakan sebagai propaganda untuk menggambarkan tahap kekuatan atau kelemahan parti-parti yang bertanding. Namun begitu, tinjauan yang neutral, berkecuali dan telus tetap menjadi keutamaan para penyelidik khususnya dalam kalangan ahli akademik atau institusi bebas yang mahukan gambaran awal keputusan PRU. Keputusan tinjauan awal tidak boleh dijadikan sandaran utama keputusan sebenar PRU, namun boleh dijadikan petunjuk atau ramalan prestasi semasa parti politik yang bertanding.

Tinjauan awal yang dijalankan di kawasan Parlimen Tampin, Negeri Sembilan adalah satu usaha dan gerak kerja kecil dalam melihat bayangan awal keputusan PRU di kawasan ini. Tampin dikenali sebagai kawasan yang dikuasai Umno-Barisan Nasional (BN) sejak kawasan parlimen itu diwujudkan pada 1974. Selepas 44 tahun, dalam PRU-14 pada tahun 2018, Tampin buat pertama kalinya terlepas kepada Pakatan Harapan (PH) yang ditandingi oleh Datuk Dr. Hasan Bahrom dari Parti Amanah Negara (Amanah). Sekitar tahun 2018, tinjauan awal dan ramalan keputusan PRU kebanyakan institut kajian tidak menyenaraikan Tampin sebagai kawasan yang akan dirampas PH (Ismail: Temu bual, 2021). Kemenangan PH di Tampin di luar jangkaan.


Keputusan PRU-14 menunjukkan Parlimen Tampin dimenangi oleh PH. Tiga kawasan DUN di dalamnya ialah Repah, Gemencheh dan Gemas. Dua daripada tiga DUN dimenangi oleh BN iaitu Gemencheh dan Gemas manakala Repah dikuasai oleh PH. Lokasi DUN Repah yang berada di pusat bandar dan mempunyai bilangan pengundi bukan Melayu yang melebihi Melayu dipercayai menjadi petunjuk bahawa kebanyakan pengundi di DUN berkenaan memberikan undinya kepada PH berbanding BN. Menurut rekod bancian setakat tahun 2020, Melayu/Bumiputera terdiri daripada 39.2 %, Cina (43.5%), India (16.9%) dan lain-lain (0.3%) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Analisis PRU-14 menunjukkan gelombang pengundi bukan Melayu sangat cenderung memihak kepada PH berbanding BN dan fenomena ini berlaku di seluruh Malaysia. Sebahagian pengundi Melayu juga mengubah undi mereka kepada PH disebabkan pelbagai isu integriti melanda kepimpinan kerajaan Najib Razak. Pengundi bukan Melayu dan pengundi kawasan bandar di Negeri Sembilan juga cenderung mengundi PH. Justeru, untuk pertama kalinya, pentadbiran BN di Negeri Sembilan telah tamat dan diambil alih oleh kerajaan PH.


Mendepani PRU-15 pada tahun 2022, tinjauan ini telah dijalankan di kawasan Parlimen Tampin bagi menduga penerimaan masyarakat terhadap pemerintahan PH selama hampir lima tahun di kawasan ini. Selain itu, tinjauan juga turut melihat kecenderungan pengundi dalam memilih calon dan parti yang bertanding dalam PRU akan datang.

2.0 KAWASAN KAJIAN: TAMPIN

Daerah Tampin merupakan salah sebuah daerah di Negeri Sembilan, Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) menyatakan penduduk Tampin mempunyai nisbah jantina lelaki: perempuan (L: P) adalah 113: 100. Masyarakatnya terdiri daripada kumpulan etnik bumiputera yang merangkumi 62.5% iaitu seramai 52,091 orang, diikuti Cina 23.2% atau 19,342 orang, India 13.9% atau 11,614 diikuti lain-lain 0.3% seramai 242 orang penduduk. Klasifikasi bandar Tampin adalah kategori penduduk luar bandar dengan jumlah penduduk seramai 88,123 orang dengan kepadatan 861/km² (Portal Rasmi Majlis Daerah Tampin, 2023). Daerah Tampin ditadbir oleh Majlis Daerah Tampin yang berpusat di bandar Tampin serta dibahagikan kepada tujuh mukim iaitu Mukim Air Kuning, Mukim Gemas, Mukim Gemencheh, Mukim Keru, Mukim Repah, Mukim Tampin Tengah dan Mukim Tebong (Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah Negeri Sembilan, 2011).



Rajah 1: Peta mukim-mukim di daerah Tampin



Rajah 2: Peta kawasan Parlimen Tampin
Sumber: Laman Web Pejabat Pilihan Raya Negeri Sembilan

Sebagai kawasan pilihan raya, kawasan parlimen Tampin ialah salah satu daripada 222 buah kerusi parlimen di Malaysia yang telah diwujudkan untuk diwakili di Dewan Rakyat sejak 1974. Terdapat lapan kawasan parlimen yang dipertandingkan dalam Negeri Sembilan iaitu Jelebu (P.126), Jempol (P.127), Seremban (P.128), Kuala Pilah (P.129), Rasah (P.130), Rembau (P.131), Port Dickson (P.132) dan Tampin (P.133). Kawasan Parlimen Tampin terdiri daripada tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Gemas (N.34), Gemenceh (N.35) dan DUN Repah (N.36).

Kawasan Parlimen Tampin dikenali sebagai kubu kuat dan didominasi oleh UMNO-BN sejak pilihan raya pertama di kawasan tersebut pada tahun 1974. Menurut data Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2018, pada PRU-14, pemilih berdaftar yang mengambil bahagian membuang undi adalah seramai 60,765 orang. Buat kali pertamanya keputusan rasmi bagi P.133 Tampin pada 10 Mei 2018, telah dimenangi oleh Dr. Hasan bin Baharom dari Parti Amanah Negara yang mewakili PH. Beliau memperoleh jumlah undi 22,435 menewaskan dua lagi calon iaitu Shaziman Abu Mansor (BN) dan Abdul Halim Abu Bakar (Pas) dengan majoriti undi 1,002 (SPR, 2018).

Keputusan bagi tiga kerusi DUN dalam parlimen Tampin menunjukkan DUN Repah dimenangi oleh Veerapan A/L Superamiam (PH) dengan majoriti undi sebanyak 4,758. Dua lagi DUN dimenangi oleh calon BN. DUN Gemenceh dimenangi oleh Abd Razak Ab Said dengan majoriti 4,772 undi manakala DUN Gemas dimenangi oleh Mohd Isam Mohd Isa dengan majoriti undi 351 undi.

TAHUN	JUMLAH UNDI	AHLI PARLIMEN	PARTI	UNDI MAJORITI
2022	61,033	Mohd Isam Bin Mohd Isa	BN-UMNO	1,276
2018	24,435	Dr. Hasan Baharom	(PH-AMANAH)	1,002
2013	29,390	Shaziman Abu Mansor	BN-UMNO	11,162
2008	24,022	Shaziman Abu Mansor	BN-UMNO	13,079
2004	23,936	Shaziman Abu Mansor	BN-UMNO	18,084
1999	21,944	Shaziman Abu Mansor	BN-UMNO	9,979
1995	26,127	Mohd Noh Rajab	BN-UMNO	23,440
1990	23,784	Mohd Noh Rajab	BN-UMNO	15,884
1986	21,152	Mohd Noh Rajab	BN-UMNO	15,553
1983	24,761	Omar Abdullah	BN-UMNO	21,676
1982	27,589	Mokhtar Hashim	BN-UMNO	20,984
1978	23,968	Mokhtar Hashim	BN-UMNO	18,393
1974	N/A	Mokhtar Hashim	BN-UMNO	MTB

Jadual 1: Senarai ahli parlimen dan parti yang menang di Parlimen Tampin.

3.0 SOROTAN LITERATUR

Persepsi dalam Kamus Dewan bermaksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), tanggapan, kekuatan imaginasi. Persepsi sinonim dengan proses membuat impresi dan kesimpulan terhadap peristiwa sekeliling (Rozmi, 2014). Persepsi bukan sahaja melibatkan penglihatan malah ia juga berkait dengan proses kognitif ketika kita membuat penilaian dan penentuan sesuatu perkara. Manakala pengundi pula merujuk kepada individu yang melakukan undian dengan memilih satu parti politik seperti melakukan tanda pangkah di atas kertas undi (Nor Najihah dan Junaidi, 2023). Persepsi pengundi dapat dilihat dalam aspek elemen yang mempengaruhi kepada undian dalam membuat keputusan untuk memilih parti dalam pilihan raya (Nor Najihah & Junaidi, 2023). Persepsi terhadap sesebuah parti pilihan raya juga memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi pengundi. Persepsi boleh mempengaruhi kepada tingkah laku pengundi kerana ia boleh memberi impak yang besar dalam pengundian dan sikap pengundi.

Pilihan raya diadakan adalah untuk memilih calon yang betul-betul layak untuk dijadikan sebagai wakil dewan perundangan (Mohd. Faisal Syam Abdol Hazis, 2002). Walau bagaimanapun pelbagai aspek dan faktor dipertimbangkan oleh pengundi dalam membuat pilihan terbaik untuk memilih calon atau parti yang disukainya.

Berdasarkan kajian di Pahang, Muhamad Nadzri (2021) menjelaskan kecenderungan pengundi dalam memilih parti dan calon. Pengundi Melayu di Pahang lebih cenderung menyokong BN/UMNO kerana identifikasi politiknya yang tinggi di samping parti tersebut telah lama serta berpengalaman memerintah negeri tersebut berbanding PAS, manakala PH pula dilihat masih baharu dalam persada politik Pahang. Bagi pengundi Melayu yang beralih undi daripada BN/UMNO, mereka lebih yakin kepada PAS kerana pemimpinnya masih merupakan dalam kalangan orang Melayu-Islam. Teori Identifikasi Parti telah diperkenalkan oleh Campbell et al. (1960) yang menjelaskan, pengundi mengundi berasaskan kepada ikatan dan kesetiannya terhadap sesuatu parti. Tindakan itu adalah suatu perasaan peribadi seseorang individu terhadap parti pilihannya. Pengundi mempunyai kesetiaan berpanjangan terhadap sesuatu parti dan ini mempengaruhi sikap dan tingkah laku politik di samping tetap mengundi parti berkenaan dalam setiap pilihan raya. Namun begitu, ikatan pengundi terhadap sesuatu parti boleh jadi tidak bersifat mutlak dan boleh berubah berdasarkan faktor calon dan isu (Fiorina, 1981).

Terdapat pengundi yang cenderung memilih calon tertentu disebabkan ganjaran yang dijanjikan semasa kempen pilihan raya. Kekuatan seseorang calon juga boleh terhasil daripada

peranan personaliti, pengalaman politik dan kepimpinan yang ditonjolkannya dalam parti untuk mendapat kepercayaan pengundi.

Kajian oleh Sivamurugan Pandian (2008) pula memperlihatkan pengundi akan lebih cenderung untuk memilih calon yang mempunyai persamaan identiti etnik. Selain itu adalah menjadi keutamaan kelompok ini, untuk memilih calon dari parti yang mewakili, memperjuangkan hak serta menjuarai kepentingan etnik yang sama dengan diri pengundi itu sendiri. Kazimierz & Goldie (2012) dalam satu artikel bertajuk *Perceptions of Political Party Corruption and Voting Behaviour in Poland*, menyatakan, persepsi korupsi dalam sesebuah parti mempengaruhi pilihan pengundi semasa pilihan raya. Hal ini memberi kesukaran kepada parti yang mempunyai calon atau pemimpin yang dikaitkan dengan isu-isu korupsi untuk menguasai kemenangan dalam pilihan raya.

Selain itu, Mohamad Agus (2008) menyatakan terdapat sedikit kegusaran apabila wujud gelombang undi protes dalam kalangan pengundi muda, pengundi intelektual, pengundi atas pagar dan pengundi kelas menengah yang dikategorikan sebagai pengundi kontemporari. Golongan ini adalah dari kalangan pengundi yang tidak berani mendedahkan perasaan tidak puas hati secara terbuka kepada pemerintah. Ini kerana sistem politik negara yang tidak toleran kepada kritikan dan teguran. Kebarangkalian kelompok ini tidak mempamerkan secara jelas parti yang mereka ingin undi dalam pilihan raya.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi tingkah laku pengundi antaranya kredibiliti calon, pegangan agama, kekuatan parti, kedudukan ekonomi, kepentingan isu dan sebagainya (Mohd Azri dan Sity, 2014). Selain itu, krisis politik, fenomena lompat parti dan ancaman kesihatan serta ekonomi juga didapati sebagai punca utama yang mempengaruhi kepada persepsi pengundi (Nor Najihah & Junaidi, 2023). Hal ini juga membuktikan isu politik dalam media dan sistem pendidikan merupakan faktor yang mempengaruhi persepsi pengundi (Nor Najihah & Junaidi, 2023).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Paimah Atoma et al. (2013) menunjukkan responden di Negeri Sembilan bagi PRU-13 cenderung ke arah parti Barisan Nasional (BN) kerana beranggapan BN masih layak dan mampu melaksanakan tanggungjawab mentadbir. Keputusan kajian tersebut membuktikan bahawa persepsi pengundi terhadap kemampuan BN menerajui Negeri Sembilan telah diteliti dalam aspek kepimpinan, ekonomi dan sosial. Faktor yang mempengaruhi penyertaan pengundi ialah kepimpinan parti tersebut, dasar perjuangan, kestabilan dan kejayaan untuk memerintah (Muhammed Fauzi et al., 2003).

Manakala keputusan PRU-14 pula, mencerminkan aspirasi pengundi terhadap harapan baharu akibat rasa tidak puas hati dan ketidakadilan kerajaan BN khususnya Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri (Lee, Rizal Zamani dan Rafiq, 2018). Peningkatan kos sara hidup (*livelihood*) disebabkan oleh GST dan kaedah penetapan harga minyak dilihat sebagai faktor penyumbang kepada kenaikan harga barangan dianggap sebagai salah satu bentuk persepsi pengundi. Walau bagaimanapun, BN pada waktu itu dikatakan tiada penggunaan literasi media bagi menangani isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat. Dengan demikian, faktor tersebut telah mempengaruhi persepsi tingkah laku pengundi.

Persepsi pengundi sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran semasa, malah penentu kepada pemilihan pemimpin dan pendirian parti politik serta kuasa suara rakyat boleh mengubah keadaan politik. Pengurusan persepsi dianggap suatu indikator penting dalam usaha mempengaruhi pengundi. Dengan demikian, setiap pengundi mestilah memahami setiap isu yang berlaku dan dasar pemerintahan negara secara holistik. Justeru itu, sistem pendidikan di Malaysia perlu membuka ruang dan memberi pendedahan meluas bermula daripada peringkat sekolah rendah terhadap kepentingan pendidikan politik bagi memahami dan kepenggunaannya dalam kehidupan (Nor Najihah & Junaidi, 2023).

4.0 METODOLOGI

Kajian ini telah menggunakan kaedah tinjauan dengan mengedarkan soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data kepada 500 orang responden dalam Parlimen Tampin, Negeri Sembilan. Kaedah

tinjauan ini bertujuan untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan persepsi pengundi kawasan Parlimen Tampin Pra Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 yang dijalankan. Kaedah ini mempunyai beberapa kelebihan antaranya adalah boleh menggunakan sampel yang besar dan pendapat ramai diperoleh dalam masa yang singkat. Manakala soal selidik adalah satu set senarai soalan yang dicetak dan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan sesuatu penyelidikan yang dijalankan (Izham Shafie, 2008).

Maklumat-maklumat yang diperoleh ini dapat memberikan satu pemahaman mendalam terhadap komuniti yang dikaji. Dengan demikian, responden telah dikenal pasti menerusi tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Gemas, Gemencheh dan Repah.

Kajian ini telah dijalankan pada 24 Disember 2021 hingga 17 Februari 2022 bagi mendapatkan data yang bertepatan dengan objektif kajian. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan instrumen *Statistical Package Social Sciences* (SPSS) versi 26. Selain itu, pengumpulan data sekunder juga dilakukan daripada sumber bertulis sama ada laporan rasmi kerajaan, jurnal, artikel prosiding atau artikel akhbar. Pengkaji juga mendapatkan maklumat di laman sesawang rasmi yang berkaitan dengan kajian.

5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Objektif 1: Mengenalpasti Frekuensi Demografi Responden Persepsi Masyarakat Tampin pra PRU ke-15.

DUN	N	Peratus (%)
DUN Gemas	127	25.4
DUN Gemencheh	168	33.6
DUN Repah	205	41.0
Jumlah	500	100

Jadual 5.1: Taburan Responden Mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)

Jadual 5.1 menunjukkan taburan responden mengikut kawasan DUN. Berdasarkan analisis yang dilakukan, majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini ialah di DUN Repah iaitu 205 orang atau 41.0%, diikuti DUN Gemencheh seramai 168 orang atau 33.6% dan DUN Gemas seramai 127 orang atau 25.4%.

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	302	60.4
Perempuan	198	39.6
Jumlah	500	100

Jadual 5.2: Taburan Responden Mengikut Jantina

Jadual 5.2 menunjukkan demografi responden berdasarkan jantina. Hasil kajian menunjukkan seramai 302 adalah responden lelaki bersamaan 60.4% manakala responden perempuan seramai 198 orang atau 39.6%. Sebagai perbandingan, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melalui laporan *MyCensus 2020*, populasi lelaki di Tampin adalah 46,801 orang (53.1%) manakala penduduk perempuan 42,322 orang (46.9%).

Jantina	DUN Repah	DUN Gemencheh	DUN Gemas	Jumlah
Lelaki	143	98	61	302
Perempuan	62	70	66	198
Jumlah	205	168	127	500

Jadual 5.3: Taburan Jantina Responden Mengikut DUN

Jadual 5.3 menunjukkan demografi jantina berdasarkan kawasan DUN. Hasil kajian menunjukkan seramai 143 orang lelaki terlibat dalam kajian di DUN Repah, diikuti 98 lelaki di DUN Gemencheh manakala di DUN Gemas seramai 61 orang lelaki. Bagi responden perempuan pula, seramai 70 orang di DUN Gemencheh, 66 orang di DUN Gemas dan 62 orang di DUN Repah.

Bangsa	Bilangan	Peratus (%)
Melayu	329	65.8
Cina	121	24.2
India	50	10.0
Jumlah	500	100

Jadual 5.4: Taburan Responden Mengikut Bangsa

Jadual 5.4 menunjukkan taburan demografi responden berdasarkan bangsa. Hasil kajian menunjukkan majoriti yang terlibat dalam kajian ini ialah bangsa Melayu iaitu seramai 329 orang atau 65.8% diikuti oleh bangsa Cina seramai 121 orang atau 24.2 dan bangsa India seramai 50 orang atau 10%. Penduduk Tampin berbangsa Melayu adalah kelompok yang terbesar merangkumi 62.5 % diikuti penduduk bangsa Cina 23.2%, manakala penduduk bangsa India 13.9%. Bagi lain-lain bangsa pula hanyalah 0.3% sahaja (*MyCensus DOSM*, 2020).

Bangsa	DUN Repah	DUN Gemencheh	DUN Gemas	Jumlah
Melayu	113	107	109	329
Cina	69	37	15	121
India	23	24	3	50
Jumlah	205	168	127	500

Jadual 5.5: Taburan Bangsa Mengikut DUN

Jadual 5.5 menunjukkan demografi bangsa berdasarkan DUN. Hasil kajian menunjukkan seramai 113 bangsa Melayu, 69 bangsa Cina dan 23 orang bangsa India yang terlibat dalam kajian di DUN Repah. Kemudian, seramai 107 orang bangsa Melayu, 37 orang bangsa Cina dan 24 orang bangsa India di DUN Gemencheh. Manakala bagi DUN Gemas, seramai 109 bangsa Melayu, 15 orang bangsa Cina dan bangsa India seramai 3 orang terlibat dalam kajian.

Umur	Bilangan	Peratus (%)
20-35 Tahun	119	23.8
36-45 Tahun	142	28.4
46-55 Tahun	114	22.8
56 ke atas	125	25.0
Jumlah	500	100

Jadual 5.6: Taburan Responden Mengikut Umur

Jadual 5.6 menunjukkan demografi responden berdasarkan umur. Hasil kajian menunjukkan seramai 119 responden berdasarkan umur iaitu 20 hingga 35 tahun atau 23.8%, 36 hingga 45 tahun seramai 142 orang bersamaan dengan 28.4% dan 46 hingga 55 tahun seramai 114 orang bersamaan dengan 22.8% dan umur 56 ke atas adalah seramai 125 orang bersamaan 25.0%. Keputusan menunjukkan majoriti responden yang menjawab kajian ini adalah pada tahap lingkungan umur 36-45 tahun. Penduduk berusia 18 dan 19 tahun tidak dilibatkan dalam tinjauan ini memandangkan pada waktu kajian dijalankan, idea Undi18 baru di peringkat cadangan dan belum dimuktamadkan kerajaan. Justeru responden yang diambil kira adalah yang akan terlibat dalam PRU-15 iaitu golongan berusia 20 tahun dan ke atas.

Umur	DUN Repah	DUN Gemencheh	DUN Gemas	Jumlah
20-35 Tahun	46	48	25	119
36-45 Tahun	76	35	31	142
46-55 Tahun	45	41	28	114
56 ke atas	38	44	43	125
Jumlah	205	168	127	500

Jadual 5.7: Taburan Umur Mengikut DUN

Jadual 5.7 menunjukkan demografi umur berdasarkan kawasan DUN. Dapatan menunjukkan responden yang berumur dalam lingkungan 20-35 tahun adalah 46 orang di DUN Gemencheh, diikuti dengan DUN Repah seramai 46 orang dan DUN Gemas seramai 25 orang. Seterusnya lingkungan umur 36-45 orang seramai 76 orang dari DUN Repah, 35 orang dari DUN Gemencheh dan 31 dari DUN Gemas. Responden lingkungan umur 26-55 tahun seramai 45 orang dari DUN Repah, DUN Gemencheh seramai 41 orang dan 28 orang dari DUN Gemas. Manakala lingkungan umur 56 ke atas seramai 44 orang dari DUN Gemencheh, DUN Gemas seramai 43 orang dan 38 orang dari DUN Repah.

Objektif 2: Mengenalpasti frekuensi setiap item persepsi masyarakat Tampin pra PRU ke-15.

Skala	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Berpuas Hati	26	5.2
Berpuas Hati	138	27.6
Sederhana	225	45.0
Tidak Berpuas Hati	75	15.0
Sangat Tidak Berpuas Hati	36	7.2
Jumlah	500	100

Jadual 5.8: Item 1 Pandangan Responden Terhadap Prestasi PH

Jadual 5.8 menunjukkan pandangan responden terhadap prestasi PH adalah pada skala sederhana iaitu 225 orang atau 45.0%. Responden yang berpuas hati seramai 138 orang atau 27.6%, diikuti seramai 75 orang yang tidak berpuas hati atau 15.0% dan 26 orang sangat berpuas hati atau 5.2%. Responden yang sangat tidak berpuas hati seramai 36 orang atau 7.2%. Bagi responden, majoritinya sebanyak 45% merasakan prestasi PH secara umumnya di Malaysia setelah menewaskan BN dalam PRU-14 yang lalu, berada pada tahap sederhana.

Skala	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Berpuas Hati	23	4.6
Berpuas Hati	151	30.2
Sederhana	221	44.2
Tidak Berpuas Hati	68	13.6
Sangat Tidak Berpuas Hati	37	7.4
Jumlah	500	100

Jadual 5.9: Item 2 Pandangan Responden Terhadap Prestasi PH Negeri Sembilan.

Jadual 5.9 menunjukkan pandangan responden terhadap prestasi PH Negeri Sembilan berada pada skala sederhana iaitu 221 orang atau 44.2%. Responden berpuas hati seramai 151 orang atau 30.2%, diikuti seramai 68 orang yang tidak berpuas hati atau 13.6% dan 37 orang sangat tidak berpuas hati atau 7.4%. Responden yang sangat berpuas hati seramai 23 orang atau 4.6%. Negeri Sembilan ditadbir oleh kerajaan PH sejak 2018 dan majoriti responden tinjauan ini (44.2%) merasakan prestasi PH yang mentadbir Negeri Sembilan adalah pada tahap sederhana.

Skala	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Berpuas Hati	21	4.2
Berpuas Hati	144	28.8
Sederhana	221	44.2
Tidak Berpuas Hati	75	15
Sangat Tidak Berpuas Hati	39	7.8
Jumlah	500	100

Jadual 5.10: Item 3 Pandangan Responden Terhadap Prestasi PH Tampin.

Jadual 5.10 menunjukkan pandangan responden terhadap prestasi PH Tampin berada pada skala sederhana iaitu 221 orang atau 44.2%. Responden berpuas hati seramai 144 orang atau 28.8%, diikuti seramai 75 orang yang tidak berpuas hati atau 15% dan 39 orang sangat tidak berpuas hati atau 7.8%. Responden yang sangat berpuas hati seramai 21 orang atau 4.2%. Parlimen Tampin seperti mana Negeri Sembilan, adalah pertama kali dimenangi oleh PH pada PRU-14 yang lalu. Tinjauan

mendapati tahap kepuasan responden terhadap prestasi PH sepanjang mentadbir di Parlimen Tampin sejak 2018 majoritinya berada pada tahap sederhana iaitu 44.2%.

Skala	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Berpuas Hati	32	6.4
Berpuas Hati	142	28.4
Sederhana	223	44.6
Tidak Berpuas Hati	68	13.6
Sangat Tidak Berpuas Hati	35	7.0
Jumlah	500	100

Jadual 5.11: Item 4 Pandangan Responden Terhadap Prestasi Ahli Parlimen Tampin.

Jadual 5.11 menunjukkan pandangan responden terhadap prestasi ahli parlimen Tampin. Responden berpuas hati seramai 142 orang atau 28.4%, diikuti seramai 68 orang yang tidak berpuas hati atau 13.6% dan 35 orang sangat tidak berpuas hati atau 7.0%. Responden yang sangat berpuas hati adalah 32 orang atau 6.4%. Prestasi ahli parlimen secara umumnya dapat digambarkan melalui kehadirannya di majlis-majlis sekitar kawasan parlimen, kehadirannya menziarah dan melawat kawasannya, keberadaannya di pejabat dan di lapangan bagi mendengar permasalahan rakyat serta daya tindak cekap dalam mengatasi permasalahan yang berlaku di dalam kawasan parlimennya. Bagi responden, majoriti mereka memilih untuk memberikan tahap sederhana kepada ahli Parlimen Tampin iaitu 223 orang atau 44.6%.

Skala	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Berpuas Hati	33	6.6
Berpuas Hati	128	25.6
Sederhana	223	44.6
Tidak Berpuas Hati	87	17.4
Sangat Tidak Berpuas Hati	29	5.8
Jumlah	500	100

Jadual 5.12: Item 5 Pandangan Responden Terhadap Cara Komunikasi Dan Hubungan Sosial Ahli Parlimen Tampin.

Jadual 5.12 menunjukkan pandangan responden terhadap cara komunikasi dan hubungan sosial ahli parlimen Tampin berada pada skala sederhana iaitu 223 orang atau 44.6%. Responden berpuas hati seramai 128 orang atau 25.6%, diikuti seramai 87 orang yang tidak berpuas hati atau 17.4% dan 33 orang sangat berpuas hati atau 6.6%. Dan terakhir sekali sangat tidak berpuas hati seramai 29 orang atau 5.8%. Perkara ini antara kriteria yang diambil berat bagi memperlihatkan keprihatinan dan kesediaan seorang wakil rakyat untuk berurusan dengan masyarakat. Secara amnya tidak semua orang pernah berurusan dengan wakil rakyat, walau bagaimanapun tinjauan adalah satu kaedah mendapatkan pandangan secara rawak responden terhadap individu tertentu seperti ahli parlimen.

Skala	Bilangan	Peratus (%)
Parti Amanah Negara (AMANAHA)	27	5.4
Parti KeADILan Rakyat (PKR)	0	0
Democratic Action Party (DAP)	74	14.8
Barisan Nasional (BN)	72	14.4
Perikatan Nasional (PN)	260	52.0
Jumlah	67	13.4
Jumlah	500	100

Jadual 5.13: Item 6 Parti Pilihan Responden Untuk PRU-15

Jadual 5.13 menunjukkan tentang parti pilihan responden untuk PRU 15. Dapatan menunjukkan seramai 260 responden atau 52% memilih Barisan Nasional (BN) sebagai parti pilihan diikuti 74 orang atau 14.8% memilih Parti KeADILan Rakyat (PKR). Seterusnya 72 orang atau 14.4% untuk Democratic Action Party (DAP), 67 orang atau 13.4% memilih Perikatan Nasional (PN). Parti Amanah Negara (AMANAHA) hanya menjadi pilihan oleh 27 orang atau 5.4%. Dapatan ini amat kontradik dan ironi dengan realiti di Parlimen Tampin yang kini dimenangi oleh Parti Amanah Negara sejak 2018. Namun begitu, dapatan ini merupakan jangkaan kasar yang mungkin boleh berlaku dalam keputusan PRU-15 akan datang berdasarkan kepada pelbagai faktor termasuk angin perubahan yang dimahukan pengundi.

Skala	Bilangan	Peratus (%)
Ya	327	65.4
Tidak Pasti	140	28
Tidak	33	6.6
Jumlah	500	100

Jadual 5.14: Item 7 Latar Belakang Pendidikan Calon PRU Menjadi Pilihan Responden

Jadual 5.14 menunjukkan tentang latar belakang pendidikan calon PRU menjadi pilihan responden. Seramai 327 orang menjawab ya atau 65.4% diikuti tidak pasti seramai 140 orang atau 28%. Manakala seramai 33 orang atau 6.6% menjawab tidak. Selain daripada mengundi mengikut parti, pengundi juga kini mengambil kira faktor-faktor lain yang ditonjolkan oleh calon yang bertanding itu sendiri. Perubahan dalam sikap pengundi di kawasan pinggir bandar dan luar bandar Negeri Sembilan menunjukkan teori pilihan rasional semakin mendapat tempat. Secara tidak langsung, ia menunjukkan pilihan pengundi bukan lagi sekadar melihat lambang 'dacing', 'bulan' atau 'mata' tetapi isu, manifesto dan intelek seseorang calon bertanding (Rahimi Hassan, 2022). Boleh diperhatikan, dalam setiap pertandingan, setiap parti akan cuba menampilkan calon yang mempunyai latar belakang pendidikan yang baik. Malah, poster-poster dan bahan kempen akan menyertakan maklumat latar belakang pendidikan calon masing-masing. Begitu juga dengan para penganalisis, aktivis dan kumpulan yang berkepentingan, mereka akan menjalankan 'siasatan' atau *due diligence* terhadap kebenaran maklumat latar belakang pendidikan yang dipaparkan dalam bahan kempen. Hal ini menunjukkan faktor latar belakang pendidikan adalah salah satu daya tarik bagi memperoleh kepercayaan pengundi di samping memperlihatkan ketelusan parti dan calon yang mendakwa memiliki latar belakang Pendidikan yang baik.

Skala	Bilangan	Peratus (%)
Ya	248	49.6
Tidak Pasti	146	29.2
Tidak	106	21.2
Jumlah	500	100

Jadual 5.15: Item 8 Faktor Umur Calon PRU Menjadi Pilihan Responden

Jadual 5.15 menunjukkan faktor umur calon PRU menjadi pilihan responden. Seramai 248 orang menjawab ya atau 49.6 % diikuti tidak pasti seramai 146 orang atau 29.2%. Manakala seramai 106 orang atau 21.2% menjawab tidak. Faktor umur adalah salah satu daya tarik kepada pengundi untuk mengundi calon sesuatu parti. Maka kebanyakan parti yang bertanding dalam pilihan raya akan meletakkan calon-calon wajah baharu dan muda serta berketerampilan bagi menarik minat pengundi. Calon-calon muda dilihat lebih terbuka, proaktif dan lebih bersemangat bagi menampilkan imej segar serta memperlihatkan faktor peremajaan sesebuah parti. Oleh sebab itu tidak mustahil responden tinjauan ini kebanyakannya lebih mementingkan faktor umur dalam menentukan calon yang diundi.

Skala	Bilangan	Peratus (%)
Individu	312	62.4
Parti Politik	188	37.6
Jumlah	500	100

Jadual 5.16: Item 9 Kecenderungan Responden Mengundi Calon PRU Berdasarkan Individu Atau Parti Politik

Jadual 5.16 menunjukkan kecenderungan responden mengundi calon PRU berdasarkan individu atau parti politik. Dapatan menunjukkan responden memilih calon berdasarkan diri individu iaitu seramai 312 atau 62.4% dan seramai 188 responden atau 37.6% memilih calon berdasarkan parti politik. Muhammad Rahimi Hassan (2022) menyatakan, sejumlah pengundi kawasan luar bandar di Kuala Pilah, Tampin, Jempol, Jelebu dan Rembau ialah perantau bekerja atau belajar. Mereka ini ialah pengundi lebih terbuka dan terdidik. Justeru golongan ini tidak hanya melihat parti semata-mata tetapi turut mengambil kira faktor calon yang bertanding. Kajian Ilham Centre pada tahun 2022 juga mendapati 38% responden memilih faktor calon untuk menentukan undi mereka berbanding memilih parti (32%) dan mempertimbang isu semasa (30%).

Skala	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Berpuas Hati	40	8.0
Berpuas Hati	151	30.2
Sederhana	232	46.4
Tidak Berpuas Hati	50	10
Sangat Tidak Berpuas Hati	27	5.4
Jumlah	500	100

Jadual 5.17: Item 10 Pandangan responden terhadap personaliti Ahli Parlimen Tampin

Jadual 5.17 menunjukkan pandangan responden terhadap personaliti ahli parlimen Tampin berada pada skala sederhana iaitu 232 orang atau 46.4%. Kemudian responden berpuas hati seramai 151 orang atau 30.2%, diikuti seramai 50 orang yang tidak berpuas hati atau 10% dan 40 orang sangat berpuas hati atau 8.0%. Dan terakhir sekali sangat tidak berpuas hati seramai 27 orang atau 5.4%. Bagi responden tinjauan yang merupakan penduduk Tampin, majoriti (46.4 %) memberi respon sederhana terhadap personaliti ahli Parlimen Tampin, Dato' Dr. Hasan Bahrom sepanjang beliau berkhidmat di kawasan ini.

6.0 KESIMPULAN

Tinjauan awal yang dijalankan di Parlimen Tampin boleh dianggap sebagai kajian pra pilihan raya umum ke-15 bagi melihat gambaran kasar tahap rasa puas hati masyarakat terhadap PH yang menguasai kawasan berkenaan. Selain itu melalui kajian ini, andaian keputusan pilihan raya umum akan datang juga boleh dicerap dengan melihat kepada jenis-jenis jawapan responden dan peratusannya. Berdasarkan demografi, jumlah responden yang terlibat dari segi jantina, usia dan kaum adalah seimbang dan sesuai dengan demografi umum di Malaysia. Dapatan ini membolehkan jawapan yang diperolehi bersifat umum dan tidak memberat kepada mana-mana kelompok tertentu. Secara keseluruhan, responden dilihat memberi skor sederhana kepada prestasi PH dan ahli Parlimen Tampin sepanjang mereka berkuasa di kawasan ini sejak 2018.

Kebanyakan item yang ditanya kepada responden memperoleh jawapan “sederhana” yang tinggi berbanding lain-lain jawapan. Kadar respon “sederhana” yang tinggi berkemungkinan memberi signal bahawa masyarakat di kawasan tersebut belum benar-benar berpuas hati dengan khidmat yang diberi dan pencapaian yang dibuktikan oleh PH. Hal ini menunjukkan populariti dan prestasi PH di Tampin tidak berada pada tahap terbaik menjelang PRU ke-15. Keputusan ini boleh dianggap membimbangkan bagi kepimpinan PH khususnya Parti Amanah Negara yang menduduki kerusi parlimen berkenaan. Malahan dapatan kajian menunjukkan peratusan responden yang menjangka akan mengundi Barisan Nasional dalam PRU akan datang lebih tinggi berbanding responden yang akan mengundi PH bagi mengekalkan penguasaan PH di Tampin. Namun, peratusan penyokong PH adalah lebih tinggi di DUN Repah berbanding DUN Gemas dan Gemencheh, sekurang-kurangnya PH mengetahui bahawa mereka masih boleh memenangi kawasan DUN Repah pada masa akan datang jika sokongan kepada mereka kekal berada pada tahap yang tinggi hingga ke PRU nanti.

Responden juga menyatakan bahawa beberapa faktor atau kriteria calon menjadi penentu kepada undi mereka. Antaranya, latar belakang pendidikan dan usia calon yang bertanding. Secara umumnya pengundi percaya bahawa kebolehan dan prestasi baik seseorang calon itu berdasarkan pengalaman, latar belakang akademik yang tinggi dan usia yang dikaitkan dengan tahap kesihatan. Maka, faktor ini perlu dipertimbangkan oleh kepimpinan parti yang akan meletakkan calon masing-masing di kawasan Parlimen Tampin. Calon mampu menang atau *winnable candidate* perlulah mengikut cita rasa dan kemahuan masyarakat tempatan dan pastinya ia adalah tips yang lazimnya sudah boleh dibaca untuk memastikan kemenangan calon yang bertanding.

Oleh yang demikian, dapatan-dapatan yang dinyatakan di atas adalah suatu gambaran yang menunjukkan tahap kepuasan, keinginan dan tahap sokongan para pengundi di Tampin. Melalui kajian ini, PH sebagai penyandang kerusi Tampin harus berbuat sesuatu untuk mengubah dapatan kajian ini kepada dapatan yang lebih baik untuk mereka. Begitu juga BN walaupun dilihat mempunyai peluang dan harapan cerah merampas kembali kerusi Tampin, namun ia tidak semestinya berlaku kerana *mood* dan undi rakyat boleh berubah pada bila-bila masa sebelum hari pengundian. Justeru, kedua-dua blok parti politik wajar mempertimbang dapatan kajian ini sebagai unjuran awal keputusan pilihan raya ke-15 kelak.

Penghargaan kepada Pusat Khidmat Rakyat Tampin dan Ahli Parlimen Tampin (2018-2022) Datuk Dr. Hasan Baharom, serta Universiti Islam Melaka (UNIMEL) atas penganugerahan Geran Tampin 2.0 no kod: GL/21/TAMPIN/02.

RUJUKAN

- Asrin Utong. 2020. Sabah Menuju PRN 2020. Iman Research. Diakses pada 20 Januari 2023. <https://imanresearch.com/wp-content/uploads/2020/08/Sabah-Brief-BM.pdf>.
- Ismail. 21 Februari 2022. Temu bual. Seremban.
- Izham Shafie. (2008). *Pengantar Statistik*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022. Statistik Subnasional DUN N.32 Repah. Putrajaya.
- Khairil Anwar Mohamad Amin. (2022). Pengundi Lebih Pilih Calon? *Sinar Harian*. 1 November 2022.
- Laman Rasmi Pejabat Pilihan Raya Negeri Sembilan. Peta Pilihan Raya Parlimen Bagi Negeri Sembilan. http://ppn.spr.gov.my/nsembilan/?page_id=111
- Lee Kuok Tiung, Rizal Zamani Idris & Rafiq Idris. (2018). Propaganda dan disinformasi: politik persepsi dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU-14) Malaysia. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas*, 171-198.
- Mohd Azri Ibrahim & Sity Daud. (2014). Pilihan raya dan tingkah laku pengundi dalam PRU 2008: kajian kes di Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia. *Jurnal Kinabalu*, 20, 55-80.
- Mohd Zain, Mohd Izani PRN Melaka jadi tempat parti politik beradu kekuatan. in *Berita Harian*, (9 November 2021), p. 10. (Call Number: 2021/11-059)
- Muhammed Fauzi Othman, Muhammad Fuad Othman, Zaheruddin Othman & Jamaludin Mustafa. (2003). Penyertaan politik masyarakat dalam pilihanraya: kajian kes pilihan raya umum ke sepuluh 1999 di negeri Johor. *Jurnal Kemanusiaan*, 1 (2), 178-199.
- Muhammad Rahimi Hassan. (2022). Pilihan pengundi Negeri Sembilan bukan lagi pada lambang parti. *Berita Harian*. 10 November 2022.
- Noor Amira Sukor & Junaidi Awang Besar. (2022). Faktor Sokongan dalam Pilihan Raya di Kawasan DUN Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor. *Jurnal Wacana Sarjana*. Volume 6(2): 1-14.
- Nor Najihah Zafari & Junaidi Awang Besar. (2023). Persepsi pengundi terhadap isu politik di kawasan DUN Muadzam Shah, Rompin, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7 (2): 1-14.
- Laman OPENDOSM. http://open.dosm.gov.my/ms-MY/data-catalogue/population_dun?state=negeri-sembilan.
- Paimah Atoma, Adenan Mat Junoh, Adibah Sulaiman @ Mohamad, Mohd Azmir Mohd Nizah, Khairulneezam Mohd Nor & Mohd Shamsinor Abd Aziz. (2013). Persepsi pengundi terhadap isu yang akan mempengaruhi keputusan PRU-13 di Negeri Sembilan, dlm. Shamsul Amri Baharuddin & Mansor Mohd Noor. *PRU 13 Siapa Pilihan Pengundi*. Bangi: UKM.
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan. <https://www.ns.gov.my/kerajaan/info-negeri/pengenalan>.
- Rozimi Nasir. (2016). *Kelantan 1977: Politik dan Pergolakan*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Rozmi Ismail. (2014). *Psikologi Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- SPR 2018. <http://pru14.spr.gov.my/#!/parliament/5/P.133>.
- Daftar Pemilih Terkini Sehingga DPT Ogos 2022 Statistik Umur Mengikut DUN. <http://sprinfo.spr.gov.my/>